



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 28 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PROPOSAL TO RAISE STUDY HOURS ON REPRODUCTIVE HEALTH TO CURB SOCIAL ACTIVITIES TO BE SUBMITTED	
	https://www.thesundaily.my/local/proposal-to-raise-study-hours-on-reproductive-health-to-curb-social-activities-to-be-submitted-BL11291220	THESUNDAILY.MY
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2210461	BERNAMA.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/935544/govt-curb-alarming-youth-social-activities-including-increased-study	NST.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/s/454269	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/27/zahid-govt-to-propose-raising-study-hours-on-reproductive-health-to-cabinet-in-bid-to-curb-social-activities-among-students/82082	MALAYMAIL.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132087/tambah-waktu-pembelajaran-reproduktif-tangani-kebejatan-sosial-ahmad	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/cadang-tambah-waktu-pembelajaran-peers-bendung-tingkah-laku-seksual-remaja-zahid/	BULETINTV3.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/454266	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/270403/berita/nasional/waktu-pembelajaran-reproduktif-perlu-ditambah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/68190-cadang-tambah-waktu-pembelajaran-reproduktif-ahmad-zahid	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KERTAS KERJA TANGANI ISU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA AKAN DIBENTANG - AHMAD ZAHID	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kertas-kerja-tangani-isu-seksual-dalam-kalangan-remaja-akan-dibentang-ahmad-zahid-429991	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/remaja-seawal-13-tahun-sudah-lakukan-seks/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/27/isu-perlakuan-seksual-remaja-usia-13-tahun-membimbing-akan-dibincang-ke-kabinet/	MALAYSIAGAZETTE.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	BANK NEGARA DIMINTA ARAH BANK KOMERSIAL SEDIA KEMUDAHAN UNTUK OKU	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bank-negara-diminta-arrah-bank-komersial-sedia-kemudahan-untuk-oku-x8mt9zs	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=4pt-FVbV7Nw	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=mHNXA-S9gYw	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KPWKM SETS UP ANJUNG SINAR TRANSIT CENTRE FOR YOUNG PEOPLE	
	https://www.thesundaily.my/local/kpwkm-sets-up-anjung-sinar-transit-centre-for-young-people-CK11287335	THESUNDAILY.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2210216	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	27 JULAI 2023 – SPM – KAPSUL KUARTET MERDEKA – YB NANCY SHUKRI	
	https://www.youtube.com/watch?v=jpVhFWdozVw	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	MEDIA PRIMA RECOGNISED AS 'COMPANY OF THE YEAR' AT SUSTAINABILITY AND CSR MALAYSIA AWARDS	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/935456/media-prima-recognised-company-year-sustainability-and-csr-malaysia	NST.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/27/ybr-dinobat-anugerah-yayasan-tahunan-kategori-perbankan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132068/media-prima-berhad-diiktiraf-company-year	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MGNEWS : AHMAD ZAHID JANJI PERKENAL TVET KHAS UNTUK ORANG ASLI TAHUN INI	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/27/mgnews-ahmad-zahid-janji-perkenal-tvet-khas-untuk-orang-asli-tahun-ini/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=BiTZvww815M	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	QUICKCHECK: HAS JKM APPOINTED ANY PARTY TO OFFER SPECIAL LOAN PACKAGES?	
	https://www.thestar.com.my/news/true-or-not/2023/07/27/quickcheck-has-jkm-appointed-any-party-to-offer-special-loan-packages	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	[VIDEO] TERPAKSA BERHENTI SEKOLAH DEMI JAGA NENEK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270350/edisi/kelantan/terpaksa-berhenti-sekolah-demi-jaga-nenek	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2023/07/27/11yo-boy-walks-20km-with-paralysed-grandma-after-getting-evicted-in-kelantan/	THERAKYATPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	HARGAI PENGORBANAN BAPA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/hargai-pengorbanan-bapa/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	KERAJAAN BAIK PULIH, BINA BAHARU RUMAH DAIF ANGGOTA RELA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270452/berita/nasional/kerajaan-baik-pulih-bina-baharu-rumah-daif-anggota-rela	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	INISIATIF IBU KEMBALI BEKERJA TINGKATKAN TENAGA KERJA WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270416/berita/nasional/inisiatif-ibu-kembali-bekerja-tingkatkan-tenaga-kerja-wanita	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	AINA SIFATKAN KEMENANGAN ANGKAT MARTABAT WANITA	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2023/07/1131948/aina-sifatkan-kemenangan-angkat-martabat-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WANITA MAUT, SUAMI PARAH MOTOSIKAL DIREMPUH KERETA DARI BELAKANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/27/wanita-maut-suami-parah-motosikal-dirempuh-kereta-dari-belakang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	JUMLAH WANITA HIDAP KANSER RAHIM MENINGKAT	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/07/1131920/jumlah-wanita-hidap-kanser-rahim-meningkat	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	TERTEKAN PEDAL MINYAK, WANITA REMPUH KEDAI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/tertekan-pedal-minyak-wanita-rempuh-kedai/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/27/tertekan-pedal-minyak-wanita-rempuh-kedai/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	WANITA RUGI LEBIH RM350,000 TERPEDAYA SKIM PELABURAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1132042/wanita-rugi-lebih-rm350000-terpedaya-skim-pelaburan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	LIMA RAKAN TERMASUK SEORANG WANITA BEBAS TUDUHAN EDAR, MILIKI DADAH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lima-rakan-termasuk-seorang-wanita-bebas-tuduhan-edar-miliki-dadah-429951	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	PENDAKWAH MINTA SEKS LUAR TABII	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992355/pendakwah-minta-seks-luar-tabii	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	SELANGOR PERUNTUK RM5 JUTA BANTU OKU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270439/edisi/selangor-kl/selangor-peruntuk-rm5-juta-bantu-oku	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	MALAYSIA KE SEPARUH AKHIR SKUASY BERPASUKAN REMAJA WANITA DUNIA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270429/berita/sukan/malaysia-ke-separuh-akhir-skuasy-berpasukan-remaja-wanita-dunia	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WANITA OKU DITEMUI MAUT	
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-oku-ditemui-maut/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	PASANGAN KEKASIH BUNUH BAYI TERLEPAS TALI GANTUNG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270454/berita/semasa/pasangan-kekasih-bunuh-bayi-terlepas-tali-gantung	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	WARGA EMAS MAUT DIHEMPAP JENGAUT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/warga-emas-maut-dihempap-jengkaut/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-dihempap-jentolak-430024	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WARGA EMAS MENGAKU TIDAK BERSALAH CUBA BUNUH POLIS	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/27/warga-emas-mengaku-tidak-bersalah-cuba-bunuh-polis/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
26	RAJA MUDA SELANGOR BERKENAN BERI ANUGERAH KEPADA TIGA USAHAWAN OKU	
	https://selangorkini.my/2023/07/raja-muda-selangor-berkenan-beri-anugerah-kepada-tiga-usahawan-oku/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	WARGA EMAS MAUT DIBELASAH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992441/warga-emas-maut-dibelasah	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-maut-selepas-bergaduh-430017	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/270432/berita/semasa/warga-emas-ditemukan-maut-selepas-bergaduh	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/27/warga-emas-ditemui-terlentang-selepas-bergaduh/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
28	100 RUMAH ROSAK DIBADAI RIBUT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992332/100-rumah-rosak-dibadai-ribut	HMETRO.COM.MY



TAJUK : INISIATIF GALAK WANITA KEMBALI SEMULA BEKERJA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Inisiatif galak wanita kembali semula bekerja

Kuala Lumpur: Inisiatif seperti pembiayaan program sokongan untuk menggalakkan ibu kembali bekerja dan penyediaan pusat jagaan kanak-kanak mampu milik dapat memainkan peranan memastikan penyertaan penuh wanita dalam pasaran buruh.

Inisiatif Penyelidikan Sosial dan Ekonomi (SERI) dalam kenyataan semalam, memaklumkan, walaupun wanita muda memperlihatkan pencapaian luar biasa dalam pendidikan, pembabitan mereka dalam sektor tenaga kerja masih rendah dan tidak seimbang, iaitu kira-kira 55.5 peratus berbanding golongan lelaki sebanyak 80.9 peratus.


“Ketidakseimbangan ini bukan hanya menjejaskan pertumbuhan ekonomi, tetapi lebih penting ia juga melemahkan prinsip kesaksamaan. Bagaimanapun, perubahan dasar ekonomi sahaja tidak cukup untuk meningkatkan pembabitan wanita dalam tenaga kerja.

“Inisiatif ini perlu dilengkapi dengan agenda wanita yang lebih luas dengan meneliti dan menangani jurang sosial dan budaya yang menghalang kemajuan. Penyelesaian ekonomi tidak boleh dibuat dalam keadaan yang terkekang,” menurut kenyataan itu.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pelancaran inisiatif Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat mengumumkan pusat jagaan kanak-kanak mampu milik akan disediakan sebagai langkah meningkatkan kadar penyertaan wanita di alam pekerjaan.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata ia sebagai satu daripada inisiatif Ekonomi Penjagaan (*Care-Economy*) dan kerajaan memperuntukkan RM10 juta bagi memudah cara proses pendaftaran taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara.

BERNAMA



TAJUK : MEDIA PRIMA COMPANY OF THE YEAR

HARI : JUMAAT

TARIKH : 28 JUL 2023

TONE : POSITIF

AKHBAR : BERITA HARIAN

M/SURAT : 18

SEKTOR : KPWKM



Nancy menyampaikan anugerah Company of The Year (kategori media) kepada Penurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima, Azlan Abdul Aziz pada majlis Sustainability and CSR Malaysia Awards 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Azhar Ramli/BH)



Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunied menyampaikan cenderahati kepada Duta Besar Jepun Ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko ketika kunjungan korporat Kedutaan Jepun ke Media Prima Berhad di Sri Pentas, Bandar Utama. (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Media Prima Company of The Year

Kuala Lumpur: Kumpulan media bersepadu terbesar di negara ini, Media Prima Berhad (Media Prima) diiktiraf sebagai 'Company of The Year' (kategori media) berdasarkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang kukuh di Sustainability and CSR Malaysia Awards 2023.

Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali, berkata pengiktirafan diterima itu akan menjadikan konglomerat media itu terus memenuhi tanggungjawab sosialnya untuk menyumbang kepada masyarakat.

Katanya, usaha itu akan terus dilakukan melalui pelbagai inisiatif komuniti yang mampu memberi impak positif kepada kehidu-

pan rakyat negara ini.

"Media Prima bersyukur di atas pengiktirafan diterima yang disifatkan sebagai tanda komitmen kami untuk terus mencipta impak positif berkekalan.

"Sejak 1991, Tabung Kemajuan Media Prima-NSTP diwujudkan sebagai satu inisiatif tanggungjawab sosial yang berfungsi sebagai platform bagi individu dan syarikat untuk menyumbang tidak kira dalam dan luar negara.

"Atas inisiatif itu, Media Prima, melalui platform media yang bersepadu, berjaya meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai tujuan dan menggalakkan sumbangan dilakukan oleh sesiapa sahaja," katanya dalam satu kenyataan

media, di sini, semalam.

Anugerah Sustainability and CSR Malaysia Awards 2023 itu dianjurkan oleh CSR Malaysia iaitu projek sosial dan penerbitan yang bertujuan untuk berkongsi komitmen teguh oleh syarikat di negara ini kepada masyarakat secara menyeluruh dan berperanan penting sebagai agen perubahan dalam transformasi sosio ekonomi negara.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Pada 2022, Tabung Kemajuan Media Prima-NSTP ini sudah menyampaikan manfaat kepada lebih daripada 11,000 individu di seluruh negara, manakala pada

tahun ini, Media Prima turut menyalurkan bantuan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang membantu komuniti terkecas akibat konflik kemanusiaan di Palestin dan Myanmar.

Sementara itu, pengiktirafan dari CSR Malaysia ini adalah anugerah ketiga Media Prima bagi amalan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) yang baik sejak 2022.

Kumpulan ini sudah menerima Anugerah Perak di The Edge ESG Awards 2022 dan Anugerah Kecemerlangan Industri untuk Pendedahan Tadbir Urus Korporat (CG) di Anugerah Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2021 yang dianjurkan oleh Kumpulan Pemantau Saham Minoriti.



TAJUK : SYOR TAMBAH WAKTU BELAJAR REPRODUKTIF

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Syor tambah waktu belajar reproduktif

Putrajaya: Kerajaan bercadang menambah waktu pembelajaran reproduktif di sekolah selepas isu perlakuan seksual memabitkan remaja di negara ini semakin membimbangkan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri, berkata cadangan itu akan dibawa oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri pada mesyuarat Kabinet akan datang.

“Kita lihat permasalahan kejahatan sosial, terutama apabila perlakuan seksual bermula seawal usia 13 tahun dan ini memerlukan beberapa tindakan antara kementerian, antaranya menambah waktu pembelajaran mengenai reproduktif.

“Ia bagi menimbulkan kesedaran kepada murid dan pelajar mengenai kesalahan melakukan kelakuan seksual serta kesan yang akan menimbulkan kejahatan sosial seperti mana saya katakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) Bil 2 Ta-



Ahmad Zahid pada Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bil 2 Tahun 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

hun 2023 di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, isu itu penting untuk dibincangkan di Kabinet supaya langkah drastik dapat diambil bagi menangani masalah sosial berkenaan.

“Permasalahan ini amat membimbangkan dan malang sekali kejadian ini terlalu tinggi di antara negeri, iaitu di negeri Serambi Makkah (Kelantan).

“Ini tentunya bukan soal politik, tetapi masalah sosial yang sebenar dan kita mesti mencari jalan supaya ia dapat dinoktahkan,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, mesyuarat turut membincangkan mengenai kemudahan pembukaan akaun bank oleh golongan orang kurang upaya (OKU).
Katanya, Bank Negara Ma-

laysia (BNM) melalui wakilnya sudah bersetuju mengarahkan cawangan bank menyediakan kemudahan untuk golongan itu.

“Ketiga, Jemaah Menteri akan diminta memberi pertimbangan kerana Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerlukan bukan sahaja perjawatan, malah peralatan canggih bagi memantau kes penipuan dalam talian.

“Untuk itu, kita berasaskan tindakan segera perlu dilakukan kerana ia akan menimbulkan masalah sosial cukup besar dengan jumlah kerugian menghampiri RM1 bilion setahun,” katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, kertas Kabinet berhubung cadangan mengatasi isu seksual dalam kalangan remaja akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi.

Katanya, isu seksual memabitkan remaja amat membimbangkan dan ia berdasarkan kaji selidik terhadap golongan itu yang berusia antara 13 hingga 24 tahun serta tidak berkahwin.



TAJUK : 'ANAK TAKUT TERUS LAUNG AZAN!'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Anak takut terus laung azan!'

Warga emas sekeluarga hadapi detik cemas atap rumah terbang satu persatu dek ribut kencang

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

"Ketika kejadian ribut, saya sedang berehat bersama keluarga sebelum terkejut apabila satu persatu atap diterbangkan angin kencang," ujar warga emas, Saharah Ibrahim, 62, yang menetap di Kampung Telaga Daing di sini.

Katanya, kejadian ribut petang kelmarin itu kali ketiga dialaminya sejak mengahuni rumah berkenaan sejak lebih 50 tahun lalu.

"Ribut terakhir berlaku pada 2003. Namun ia hanya membabitkan kerosakan kecil apabila beberapa kepingan atap sahaja diterbangkan angin.

"Ribut kali ini sangat menakutkan kerana ia datang berserta ribut, hujan lebat dan petir. Kerana terlalu takut, anak lelaki saya melaukan azan sebelum ribut reda 15 minit kemudian.

"Kejadian itu menyebabkan bahagian dalam rumah



SAHARAH dan Kamaruddin memerhatikan bumbung rumah yang rosak diterbangkan angin ribut di Kampung Telaga Daing. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI



Ribut terakhir berlaku pada 2003. Namun ia hanya membabitkan kerosakan kecil apabila beberapa kepingan atap sahaja diterbangkan angin"

Saharah

dipenuhi air hujan," katanya ketika ditemui selepas menerima lawatan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Takir, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, semalam. Suaminya, Kamaruddin

Jusoh, 69, berkata, dia menganggarkan sebanyak lebih 20 kepingan atap kediaman diterbangkan ribut menyebabkan kerugian hampir RM1,000.

Dia yang bekerja sendiri mengharapkan kerosakan


itu dapat dibaiki dengan segera.

Sementara itu, Ahmad Razif berkata, pihaknya akan melakukan membaik pulih dan menggantikan atap yang rosak secara bergotong royong.

"Kita cuba mendapatkan peruntukan daripada kerajaan Pusat dan kini sedang mengumpul data jumlah keseluruhan kediaman yang rosak.

"Saya menganggarkan lebih dari 100 rumah rosak

akibat ribut antaranya di Kampung Telaga Daing, Taman Perumahan Telaga Daing, Kampung Seberang Takir, Kampung Baru Seberang Takir, Bukit Tok Beng, Teluk Ketapang dan Tok Jemal," katanya.



TAJUK : 'UNCLE, SAYA INGAT BALIK...'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



“Yang saya ingat seorang mangsa beritahu, ketika dia sedang mandi di rumah Cik Man, tertuduh mengetuk pintu bilik air dan memintanya untuk buka dan berkata 'tak kan dengan ayah pun nak malu', kerana itu bahasa digunakan”

Firdaus

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

KES AZMAN

Seremban

Saksi ke-10 perbicaraan kes amang seksual membabitkan Azman Syah Alias, 42, semalam menggunakan perkataan 'liwat' bagi menggambarkan perbuatan 'main belakang' seperti yang diceritakan mangsa.

Pendakwah bebas, Firdaus Wong Wai Fung, 40, berkata demikian ketika menjawab soalan Hakim Datin Surita Budin ketika prosiding hari keempat di Mahkamah Sesyen Seremban.

Terdahulu, dalam keterangannya Firdaus memberitahu mahkamah bahawa dua mangsa menceritakan kejadian itu ketika satu perjumpaan di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor pada 27 Ogos 2022 yang mana Azman meminta untuk diliwat.

Katanya, pada perjumpaan pertama di SACC, di Shah Alam, pada 17 Ogos 2022, salah seorang mangsa tidak menceritakan mengenai kejadian liwat itu namun remaja itu membuka mulut pada pertemuan kedua kerana baru mengingatinnya.

"Saya tanya kepada mangsa, adakah Cik Man (Azman) minta untuk diliwat. Pada perjumpaan di SACC dia kata tak ada, tetapi pada perjumpaan di Acapella 27 Ogos, selepas seorang lagi mangsa cerita bagaimana Cik Man ada minta liwatnya di rumah Cik Man di Sendayan. Pada waktu itu, mangsa mencelah dan berkata 'Uncle, saya ingat balik, saya pun ada'. Saya bertanya kepada mangsa kenapa pada perjumpaan pertama kata tak ada, mangsa memberitahu dia baru kemalangan, kepala masih sakit. Kalau ingat banyak sangat kepala akan sakit sangat," katanya, semalam.

'Uncle, saya ingat balik...'

Dua mangsa dedah kejadian yang berlaku

'Saya sebenarnya takut'

Seremban: Pendakwah bebas, Firdaus Wong Wai Fung, 40, tidak bersetuju dengan keterangan mendakwanya dirinya seorang yang berani, malah mengaku dia sebenarnya penakut ketika membuat hujahan prosiding kes perbicaraan amang seksual membabitkan pendakwah selebriti iaitu Azman Syah Alias, 42, atau lebih dikenali sebagai PU Azman, semalam.

Saksi ke-10 itu memberi maklum balas terhadap soalan Timbalan Pendakwa Raya Husni Fairoos Ramly, susulan keterangan saksi kelapan, Isfadiah Mohd Dasuki, 52, kelmarin, yang menyatakan dia meminta bantuan Firdaus Wong memandangkan pendakwah itu berani tampil ke depan.

Firdaus Wong sebaliknya berkata, dia hanya menggunakan kelebihan yang ada untuk membantu mereka yang memerlukan dan lebih takut dengan azab Allah SWT sekiranya tidak membantu meskipun sedar akan dikecam.

"Saya tak tahu dan tak berani puji diri sendiri. Saya ingin jelaskan kenyataan Isfadiah, tak berani mengaku. Malah dalam satu kenyataan Sembang Viral di TV9, saya mengaku yang sebenarnya saya penakut. Saya sebenarnya takut kalau di akhirat nanti, Allah SWT tanya bila orang datang minta bantuan selepas dizalimi dan saya ada kelebihan untuk membantu mereka, saya tak bantu mereka. Maka saya memaksa diri membuat apa yang termampu walaupun saya tahu akan dikecam, dihina dan dicaci maki. Tetapi ketakutan kepada Allah SWT dan azabnya membuat saya boleh hadapi caci maki itu...saya sebenarnya seorang penakut, bukan berani," katanya.

Peguam bela tertuduh Norman Mohd Nasir bertanya bagaimana kejadian liwat itu berlaku, Firdaus memberitahu yang mangsa menceritakan mereka dipujuk tertuduh.

"Yang saya ingat seorang mangsa beritahu, ketika dia sedang mandi di rumah Cik Man, tertuduh mengetuk pintu bilik air dan memintanya untuk buka dan ber-

kata 'tak kan dengan ayah pun nak malu', kerana itu bahasa digunakan. Kemudian mangsa keluar bilik air dengan bertuala, tapi Cik Man kemudian minta 'main'," katanya.

Firdaus juga memaklumkan, mangsa menggunakan perkataan 'main' ketika menceritakan kejadian itu kepadanya, namun dia menggunakan perkataan li-

wat bagi menggambarkan perbuatan itu ketika memberi keterangan di mahkamah.

Bagaimanapun, pada penghujung prosiding Surita bertanya bagaimana Firdaus mendefinisikan perkataan main itu sebagai liwat, Firdaus memaklumkan mangsa ada menggunakan ayat 'main belakang' ketika menceritakan kejadian itu kepadanya.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi, Husni Fairoos Ramly dan Goh Hsiao Tung manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman.

Pada 12 Oktober 2022, PU Azman didakwa atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu. Berdasarkan pertuduhan, tertuduh melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa remaja lelaki berusia 16 dan 17 tahun dengan cara melakukan perbuatan keluh-calahan melampau. Kesalahan itu dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan di Nilai pada 6 Julai tahun lalu. Selain itu, PU Azman turut berdepan tujuh lagi pertuduhan berhubung kesalahan jenayah seksual yang didakwa dilakukannya terhadap dua kanak-kanak dan seorang remaja di Mahkamah Shah Alam, Klang dan Ampang.



TAJUK : BANYAK RUMAH ATAP TERCABUR, PECAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 03

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Terengganu: Beberapa kampung dan kawasan perumahan di daerah ini dan Kuala Nerus terjejas dalam kejadian ribut bermula jam 6.35 petang kelmarin.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Mohd Rosman Abdullah berkata, berdasarkan laporan yang terkumpul sehingga 10 malam tadi, laporan diterima pihaknya melibatkan Kampung Pulau Musang, Taman Sapura Indah, Taman Semarak, Kampung Balai Maras, Kampung Duyong, Kampung Padang Hiliran dan Batu Buruk di sini.

"Di daerah Kuala Nerus laporan diterima melibatkan antaranya di Kampung Sungai Ikan, Lorong Atap Zink, Pantai Putri Tok Jembal, Taman Sri Batin, Kam-



ZAWIYAH Abd Rahman (kiri) melihat bumbung rumah yang rosak dibadai ribut di Kampung Duyong, Seberang Takir.



MAZLAN Mamat membersihkan pokok yang tumbang di kawasan rumahnya di Kampung Teluk Ketapang, Seberang Takir.

Banyak rumah atap tercabut, pecah

pung Tok Jembal, Kampung Telaga Batin dan Gong Kuin Tok Jembal.

"Sejurus menerima lapo-

ran, APM di daerah terlibat menghantar anggota masing-masing untuk melakukan kerja pembersihan jalan

(pokok tumbang halang laluan) agar laluan boleh digunakan kembali," katanya kepada Bernama.

Menurutnya semua kerja pembersihan siap sepenuhnya malam kelmarin dan tiada kecederaan dilaporkan

oleh penduduk yang terjejas setakat ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Takir, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman memberitahu pihaknya melawat beberapa kawasan yang terjejas akibat ribut petang semalam dan akan melihat apakah jenis bantuan segera yang boleh disalurkan bagi membantu mangsa terlibat.

"Ada banyak rumah terlibat kebanyakannya tercabut atap, atap pecah. Di kawasan perumahan Telaga Daing saya dimaklumkan dan sudah melawat ada lebih kurang 30 rumah yang terlibat, mungkin akan ada penambahan (jumlah terlibat) sebab dari semasa ke semasa ada laporan lain," katanya.



TAJUK : HANTAR VIDEO LUCAH KEPADA BEKAS AWEK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Bernama
Bandar Permaisuri

Seorang pembantu kedai dijatuhi hukuman denda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen Setiu di sini, semalam selepas mengaku bersalah melakukan hantaran video lucah kepada bekas teman wanitanya tahun lalu.

Hakim Ahmad Fadhli Mahmud menjatuhkan hukuman itu selepas Muhammad Iqyyum Basri, 25, me-

ngaku salah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 233(1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 233 (3) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara maksi-ma setahun atau kedua-duanya sekali. Mengi-

kut pertuduhan, Muhammad Iqyyum didakwa secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komunikasi iaitu video lucah dengan niat untuk menyakiti hati orang lain menggunakan aplikasi WhatsApp.

Video itu kemudiannya dilihat mangsa pada 8 Mac 2022 ketika berada di No. 40, Kampung Padang

Serai, Guntong di sini.

Hakim turut memerintahkan supaya tertuduh yang berasal dari daerah Senawang, Negeri Sembilan dipenjara tiga bulan jika tidak membayar denda dikenakan namun tertuduh membayar denda berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Siti Hajar Sulaiman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Melakukan penghantaran komunikasi iaitu video lucah dengan niat untuk menyakiti hati orang lain



TAJUK : MEDIA PRIMA DIIKTIRAF

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



PENGERUSI Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljumid (kiri) mengiringi Duta Besar Jepun Ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko (dua dari kanan) meninjau Bahagian Berita TV ketika lawatan khas ke Sri Pentas, Bandar Utama, semalam

COMPANY OF THE YEAR

Media Prima diiktiraf

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Media Prima Berhad (Media Prima) terus melakar kejayaan apabila diiktiraf sebagai *Company of The Year* kategori media dalam Anugerah Kelestarian dan CSR Malaysia 2023.

Anugerah itu diadakan pada 26 Julai lalu dengan penyampaian disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Nancy Shukri selaku tetamu kehormat.

Menurut panel penilai anugerah, Media Prima dipilih menerima anugerah berkenaan kerana membuat sumbangan sosial yang bermakna khususnya kepada rakyat di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali berkata, pihaknya akan terus memenuhi tanggungjawab untuk menyumbang kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif komuniti yang memberi impak positif kepada kehidupan rakyat negara ini.

"Media Prima amat bersyukur di atas pengiktirafan yang diterima ini sebagai tanda komitmen kami untuk mencipta impak positif yang berkekalan.

"Sejak 1991, Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP, satu inisiatif tanggungjawab sosial Kumpulan, berfungsi sebagai platform bagi individu dan syarikat untuk menyumbang kepada tujuan penting di dalam dan luar negara.

"Media Prima melalui platform media yang bersepadu meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai tujuan untuk menggalakkan sumbangan.

"Tahun lalu, tabung itu memberi manfaat kepada lebih 11,000 individu di seluruh negara dan tahun ini, Media Prima turut menyalurkan bantuan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu komuniti yang terkesan oleh konflik kemanusiaan di Palestin dan Myanmar," katanya dalam kenyataan, semalam.

Anugerah Kelestarian dan CSR Malaysia 2023 dianjurkan oleh CSR Malaysia, projek sosial dan perbitan yang bertujuan untuk berkongsi komitmen teguh oleh syarikat di negara ini kepada masyarakat secara menyeluruh dan berperanan penting sebagai agen perubahan dalam transformasi sosio ekonomi negara.

CSR Malaysia menganjurkan anugerah itu secara tahunan dengan sokongan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKM) bagi menghargai syarikat berprestasi cemerlang.

Pengiktirafan dari CSR Malaysia adalah anugerah ketiga Media Prima bagi amalan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) yang baik sejak tahun 2022.

Terdahulu, Media Prima menerima Anugerah Perak di The Edge ESG Awards 2022 dan 'Anugerah Kecemerlangan Industri untuk Pendedahan Tadbir Urus Korporat (CG)' di Anugerah Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2021 yang dianjurkan oleh Kumpulan Pemantau Saham Minoriti.

“11,000 dapat manfaat Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP tahun lalu”
Rafiq Razali



TAJUK : PUSAT TRANSIT BELIA 18 TAHUN KE ATAS TIADA AHLI KELUARGA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

PROJEK PERINTIS ANJUNG SINAR

Pusat transit belia 18 tahun ke atas tiada ahli keluarga

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membangunkan projek perintis Anjung Sinar sebuah pusat transit untuk belia berumur 18 tahun dan ke atas yang telah dibenarkan keluar daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tidak mempunyai ahli ke-

luarga atau berasal daripada keluarga susah.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata matlamat projek itu ialah memperkasa dan memastikan kesejahteraan mereka dengan menyediakan peluang pendidikan, pekerjaan dan kemahiran.

"Kami mengalu-alukan

pihak untuk berkolaborasi dan berharap projek baharu ini akan berjaya untuk generasi seterusnya... untuk kementerian, tugas kami ialah menerajui pelbagai inisiatif bertujuan memperkasa dan meningkatkan taraf hidup mereka yang kurang berkemampuan.

"Bagaimanapun kami ti-

dak boleh melakukannya sendiri dan kami sentiasa menyambut baik idea baharu, sokongan dan penyertaan sektor swasta dalam arena Kemampanan Korporat dan Tanggungjawab Sosial (CSR)," katanya ketika merasmikan Anugerah Kelestarian dan CSR Malaysia 2023 di sini, malam kelmarin.

Nancy berkata sejak 1980-an, kementerian itu telah mewujudkan kerjasama CSR yang berjaya seperti program Anjung Kasih oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) iaitu pusat penginapan sementara untuk ahli keluarga yang kurang berkemampuan menemani pesakit di hospital kerajaan.

"Terbaharu, kami menganjurkan Anjung Kasih Pulau Pinang dan ia tidak akan dapat direalisasikan tanpa Kumpulan Sunway. Seramai 85,596 keluarga pesakit telah memanfaatkan Anjung Kasih yang disediakan di 18 hospital kerajaan di seluruh negara secara percuma," tambahnya.



TAJUK : GETTING MORE WOMEN BACK INTO LABOUR FORCE

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Getting more women back into labour force

KUALA LUMPUR: Affordable childcare centres are to be set up in a move to get more women to join the labour force, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said.

Announcing this as one of the initiatives of the Care Economy, he also said that the government would allocate RM10 million to facilitate the licensing of unregistered nurseries and childcare centres in the country.

Anwar, who is also the Finance Minister, made the announcement at the launch of the 'Madani Economy:

Empowering the People' initiative here.

He said the rate of participation of women in the labour force was at a low 55.5 per cent and should be raised to 60 per cent for Malaysia to be more comparable in terms of the regional economy. Comparatively, the rate of participation of men in the labour force is 80.9 per cent, he added.

Anwar said efforts in terms of the legal and regulatory aspects, as well as support programmes, are needed to encourage

mothers to return to work and bridge the gender divide in the labour market.

It included addressing systemic issues such as unpaid care work, gender discrimination and family support policies, he added.

The prime minister also said that the government would expand the social safety net with three pillars to safeguard the people in the event of undesirable incidents.

One of these mainstays, he said, was social insurance which recommends Employees

Provident Fund and Social Security Organisation (Socso) phased coverage for the working-age population.


"The government has allocated RM100 million for 2023 to provide an 80 per cent grant to finance the Socso contribution of gig workers.

"However, according to EPF data, more than 40 per cent of the labour force does not get coverage for savings," he said.

He said the second pillar is to improve the sustainability of retirement savings to ensure that it is adequate to cover the

cost of living of those entering retirement while the third mainstay is security through social assistance, with the government continuing with and adding on various cash aid programmes and the 'Rahmah' programmes.

Anwar said the government would continue to strengthen the employment insurance system as well as retraining programmes to provide jobs for the unemployed in line with the transition from protecting jobs to protecting the worker in the context of a rapidly changing economy. — Bernama



TAJUK : [HELP MOTHERS' RETURN TO WORK, SAYS GROUP](#)

HARI : [JUMAAT](#)

AKHBAR : [THE BORNEO POST](#)

TARIKH : [28 JUL 2023](#)

M/SURAT : [10](#)

TONE : [POSITIF](#)

SEKTOR : [KPWK](#)

Help mothers' return to work, says group

KUALA LUMPUR: Initiatives such as funding support programmes to encourage mothers to return to work and providing affordable childcare centres will play a vital role in breaking down barriers that hinder women's full participation in the labour market.

Social and Economic Research Initiative (SERI) in a statement yesterday said despite the exceptional achievements of young women in education, their representation in the labour force remains disproportionately low at approximately 55.5 per cent


compared to men's participation rate of 80.9 per cent.

"This disparity not only hampers economic growth but more importantly, also undermines principles of equality. Changes to economic policy alone, however, will not be enough to increase female labour participation.

"These initiatives must also be complemented by a broader women's agenda that examines and addresses social and cultural gaps that hinder serious progress. Economic solutions cannot be considered in a vacuum," the statement read.

Earlier on Wednesday (July 26), Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim at the launch of the 'MADANI Economy: Empowering the People' initiative announced that affordable childcare centres are to be set up in a move to get more women to join the labour force.

Anwar, who is also the Finance Minister, said it was one of the initiatives of the Care Economy and the government would allocate RM10 million to facilitate the licensing of unregistered nurseries and childcare centres in the country. — Bernama



TAJUK : LOVERS SPARED GALLOWS, JAILED 30 YEARS PLUS CANING FOR KILLING BABY

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 28 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lovers spared gallows, jailed 30 years plus caning for killing baby

PUTRAJAYA: A man and his girlfriend were spared the gallows by the Court of Appeal yesterday for killing their newborn baby girl who was found with a sock stuffed in her mouth.

Fikri Hakim Kamaruddin, 27, and Nurul Filzatun Sahirah Abdul Aziz, 28, were instead sentenced to 30 years in jail. The court also ordered Fikri to be whipped 12 times.

In dismissing the duo's appeal on conviction, the three-man panel of judges led by Justice Datuk Vazeer Alam Mydin Meera said after considering the evidence, the court found that the prosecution has proven that there was common intention by the duo to commit the offence. He also said there was no contradiction in the evidence given by the nurse and the doctor in the trial.

On sentence, Justice Vazeer said at the time the High Court handed down the sentence on the duo in 2021, the punishment for murder was mandatory death.

Justice Vazeer said following the amendment to the law, the mandatory death sentence has been abolished and the court has been given the choice or discretion to impose a death sentence or imprisonment of 30 to 40 years and a minimum 12 strokes of the cane for male offenders.

After considering the mitigations and the facts of the case, we are using our discretion to replace the death sentence to 30 years in jail for both of the appellants (Fikri and Nurul Filzatun) from the date of arrest, he said, adding that Fikri would also receive 12 strokes of caning.

The other judges were Justices Datuk Hadhariah Syed Ismail and Datuk Wong Kian Kheong.

This is the first murder case to be heard by the Court of Appeal after the amendment to the law in April this year to abolish the mandatory death sentence. Under the amendment, judges were given the option to impose jail terms instead of the death

penalty.

Fikri and Nurul Filzatun were found guilty by the High Court in Johor Bahru on Oct 31, 2021 for killing their baby girl in a house in Taman Bandar Penawar Utama, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor Bahru between 10.50pm on Dec 12, 2017 and 10.41am the next day.


